



VLMS

VIDEO LEARNING MANAGEMENT SYSTEM

Sebagai usaha untuk menyalurkan ilmu pengurusan perkoperasian terutamanya Kursus Wajib kepada semua Ahli Lembaga Koperasi (ALK), MKM mengambil langkah yang proaktif dengan melaksanakan Kursus Wajib melalui kaedah e-pembelajaran iaitu kaedah yang menggunakan kemudahan Internet yang tersedia tanpa mengira masa dan tempat. Sistem VLMS dibangunkan bagi membolehkan ALK dan sesiapa sahaja yang ingin mendalami ilmu pengurusan koperasi mempelajarinya secara dalam talian mengikut masa dan kesesuaian individu. Pembangunan VLMS juga merupakan alternatif pilihan pembelajaran selain secara tradisional (face to face). Kaedah e-pembelajaran ini berupaya menyokong pertumbuhan permintaan pembelajaran di dalam kelas bagi ALK yang wajib menghadiri kursus wajib koperasi di MKM dalam tempoh lantikan mereka. Penggunaan sistem e-pembelajaran ini mampu menarik minat terutama generasi Y untuk mendalami kursus wajib koperasi.

KURSUS WAJIB KOPERASI SECARA ONLINE

MUDAH & JIMAT

- Menjimatkan masa dan kos.



MODEN

- Menggunakan pelbagai teknologi komunikasi moden.
- Mudah digunakan dan mesra pengguna.



PENINGKATAN KUALITI

- Penumpuan yang tinggi dapat meningkatkan pengetahuan.
- Interaksi secara dalam talian dapat membantu meningkatkan pemahaman.



TANPA SEMPADAN

- Boleh diakses dimana-mana sahaja dari mana-mana komputer selagi ada perkhidmatan Internet.



Kemasukan Peserta Baharu Dibuka Sekarang! Sila Layari <http://vlms.mkm.edu.my>.

ALAMAT PERHUBUNGAN

Urus Setia VLMS,
Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT)
Maktab Koperasi Malaysia
103, Jalan Templer
46700 Petaling Jaya, Selangor.
Tel: 03-79649000 / 03-79649055/051/170/057
Email: admin_vlms@mkm.edu.my

Latihan Kreatif Koperasi Progresif

Maktab Koperasi Malaysia
Maktab Koperasi Malaysia Official Group

Maktab_Koperasi

maktab_koperasi_malaysia

www.mkm.edu.my

KURSUS DITAWARKAN

- WAJIB 1**
Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi
- WAJIB 2**
Pengurusan Kewangan Koperasi
- WAJIB 3**
Pengurusan Strategik Koperasi
- WAJIB JAD**
Tatacara pengauditan dan Perakaunan Koperasi

Yuran RM50
bagi setiap kursus

SASARAN PESERTA

- Anggota Lembaga Koperasi
- Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi
- Individu Yang Berminat

www.mkm.edu.my

ISSN 1823-1586 • 1/2018 • RM 2.50

DIMENSI KOOP


DIMENSI KOOP ISSN 1823-1586 • 1/2018 • RM 2.50

Program LESTARI MODAL INSAN KOPERASI
"herjasama flsas Amalan Koperasi"
YAB. DATO' SERI HAJI AHMAD RAZIF BIN ABD. RAHMAN
MENTRI BESAR TERENGGANU
FEBRUARI 2018 (SEKASA) | UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)

Lestari MODAL INSAN KOPERASI

MS ISO 9001:2015 REG. No. QMS 01443

ISSN 1823-0008 01586
ISSN 1823-1586
RM 2.50
Keluaran 1/2018
www.mkm.edu.my



DIMENSI KOOP bilangan pertama untuk 2018 menampilkan beberapa kupasan isu yang pastinya dapat memberi idea dan perkongsian ilmu kepada semua para pembaca khususnya mereka yang terlibat dengan gerakan koperasi di Malaysia.

Menarik kali ini dikongsikan wawancara bersama Ketua Pengarah Maktab Koperasi Malaysia bersempena dengan program Lestari Modal Insan Koperasi (LMIK) yang memfokuskan “**Kerjasama Asas Amalan Koperasi**”. Sememangnya matlamat program ini adalah untuk membantu anggota koperasi dalam memahami tentang koperasi dan perniagaannya dalam meningkatkan tahap sosioekonomi anggota seterusnya mengatasi kos sara hidup yang saban hari meningkat. Selain itu ianya juga memaklumkan kepada peserta akan peranan agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negara, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Melalui penglibatan dan sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai, program sebegini dilihat mampu untuk memperkenalkan lagi koperasi serta peranan dan manfaatnya kepada masyarakat setempat serta program-program anjuran agensi di bawah KPDNKK.

Rata-rata masyarakat hari ini sedar tentang manfaat berkoperasi, namun disebabkan kurangnya ilmu dan pengetahuan, minat untuk berkoperasi berlaku begitu sahaja. **Dalam Mencipta Kejayaan dalam Koperasi** Maktab Koperasi Malaysia berperanan memberi bimbingan dan latihan kepada gerakan. Apabila koperasi mampu untuk berdiri teguh, seterusnya dapat memberi kepuasan dan kemudahan kepada pelanggan, sudah pasti kesetiaan anggota tidak akan berbelah bagi seperti yang diselitkan dalam artikel **Kaedah Magnet Pelanggan Selain Ucapan Sila Datang Lagi**.

Bagi menjadikan koperasi kekal sebagai sebuah entiti perniagaan yang sentiasa berdaya saing, pengoptimuman terhadap teknologi seharusnya dimanfaatkan oleh semua anggota koperasi. Pada hari ini, segala maklumat terletak di hujung jari, bahkan segala perkongsian idea dan pendapat

dalam kalangan anggota boleh dikongsikan melalui **Google Drive: Keep Everything, Share Anything**.

Antara isu lain yang dipaparkan menerusi DIMENSI KOOP kali ini adalah **Peluang Koperasi dalam Perniagaan Francais**. Dalam konteks berkoperasi, kita tidak boleh lari dari segala risiko dan cabaran yang mendatang kerana setiap mereka yang terlibat dengan perniagaan koperasi anggota perlu mempunyai **Kompetensi Keusahawanan**. Tiada orang yang mahukan kegagalan, namun tanpa keberanian dan usaha, segala cita-cita dan impian pasti berkubur.

Dua lagi artikel yang mesti dibaca oleh semua dalam DIMENSI KOOP bil.56 ini adalah **Audit Syariah: Pembiayaan Islam: Skop dan Proses** serta **Koperasi Meningkatkan Martabat Kaum Wanita**. Semoga keluaran kali ini dapat memberikan informasi dan manfaat kepada semua pembaca.

Salam hormat dan selamat membaca.

Hajah Rahimah Abdul Samad

SIDANG REDAKSI DIMENSI KOOP BIL.56

PENAUNG

YBhg. Prof. Madya Dato'
Dr. Abdul Rahman Abdul
Razak Shaik

PENASIHAT

Tn. Hj. Ramlan Kamsin

KETUA EDITOR

Hjh. Rahimah Abd. Samad

TIMBALAN KETUA EDITOR

Nor Arma Abu Talib

SIDANG EDITOR

Asha'ari Arshad
Norhayati Abd. Rahman
Azmaliza Arifin
Nor Azlina Kassim
Nor Alyani Abd Razak
Salwana Ali
Haslinda Sujak
Ju Samsuddin Safian
Rafedah Juhan
Nazirah Baharudin

PEGAWAI PENERBITAN

Zaharatul Laili Zakaria